



جابتن کواغن دان فرينداهاراءن نكري ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara

Kompleks Seri Negeri

Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh

75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333

Faks : 06-231 6489

Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

Rujukan kami : PNM(T)180 (4)

Tarikh : 28 Oktober 2020

: 11 Rabiulawal 1442H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab
Negeri Melaka
(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk Seri/YB Datuk Wira / YB Datuk / Tuan/Puari,

KEBENARAN MENGAMBIL DAN MENUNAIKAN CEK PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa bagi memastikan urusan pengambilan dan menunaikan Cek Perbendaharaan Negeri Melaka berjalan dengan lancar Pejabat Bendahari Negeri telah menetapkan beberapa perkara yang perlu dipatuhi oleh semua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) seperti berikut :-

- 2.1 Bagi urusan **pengambilan cek** di kaunter Pejabat Bendahari Negeri semua Jabatan/PTJ hendaklah membuat senarai pegawai yang diberi kuasa untuk perkara tersebut (**Rujuk lampiran A**) kepada Bendahari Negeri beserta dengan salinan kad pengenalan yang telah diakui sah;
- 2.2 Bagi urusan **menunaikan Cek Perbendaharaan Negeri** semua Jabatan/PTJ hendaklah mengemukakan permohonan **kuasa tetap (Rujuk lampiran B)** sebanyak tiga (3) salinan bagi mendapat pengesahan dari Pejabat Bendahari Negeri untuk dipanjangkan ke pihak Maybank beserta dengan salinan kad pengenalan yang telah diakui sah. Hanya pegawai yang diberi kuasa seperti di **Borang Kuasa Tetap Tunaikan Cek** sahaja yang dibenarkan untuk menunaikan cek tersebut.

3. Sebagai langkah kawalan, hanya pegawai gred 22 dan ke atas dibenarkan untuk menunaikan Cek Perbendaharaan Negeri walaubagaimanapun ianya tertakluk kepada keperluan Jabatan. Jabatan/PTJ perlu mengemaskini maklumat kuasa tetap sekiranya ada perubahan/pertukaran pegawai.




4. Sehubungan dengan itu, semua Jabatan dan PTJ hendaklah memastikan perkara ini dipatuhi. Jabatan/PTJ hendaklah mengemukakan perkara di 2.1 dan 2.2 kepada Pejabat Bendahari Negeri sebelum atau pada 20hb November 2020.

5. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Pegawai di Unit Perkhidmatan Operasi ditalian 06-2307 589/2307 590/ 2307 662 / 2307 441.

Sekian, terima kasih.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(NORIFAH BINTI NORDIN)
Bendahari Negeri
MELAKA

s. k : YB Pegawai Kewangan Negeri – Untuk makluman